

KESEDARAN KUALITI & PRODUKTIVITI KERJA

PENGENALAN

Kursus kesedaran kualiti dan produktiviti dalam pekerjaan memberi tumpuan kepada perlakuan kerja berkualiti di tempat kerja yang membawa kepada peningkatan produktiviti kepada syarikat. Kualiti mengukur sama ada kita lakukan apa yang kita rancang dan menjadi standard dengan mana pelanggan mengukur produk dan servis kita. Kerja yang berkualiti secara terus dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti syarikat. Ia juga dapat memuaskan permintaan pelanggan serta meningkatkan daya persaingan syarikat. Pekerja yang mahir menghasilkan kerja berkualiti akan lebih berjaya dan yakin dalam menjalankan tugas seharian mereka. Syarikat yang dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi dapat keuntungan dan mampu bersaing dan memajukan bisnesnya. Bila syarikat untung, pekerja juga akan dapat kongsi ganjarannya.

Program latihan ini adalah direka khusus untuk membantu pekerja untuk mendapat kemahiran-kemahiran bekerja secara peribadi dan berpasukan untuk mencapai hasil kerja yang lebih berkualiti, yang dapat meningkatkan produktiviti mereka. Teknik pengajaran program latihan ini menitikberatkan latihan-latihan praktikal di mana peserta-peserta akan didorong untuk bekerja bersama untuk menjayakan matlamat projek kualiti dan produktiviti.

OBJEKTIF KURSUS :

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan dapat...

- Menjelaskan apakah itu kualiti dan produktiviti.
- Menjelaskan kepentingan peranan pekerja dalam menentukan dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja
- Menyatakan pendekatan-pendekatan yang majikan ambil untuk meningkatkan kualiti & produktiviti seperti:
 - Mengurangkan pembaziran, Penjimatan kos
 - Peningkatan kualiti produk dan servis melalui amalan teknik 5S, KAIZEN dan Pengurusan Visual
 - Inovasi dan mempercepatkan penghasilan (delivery) produk dan servis melalui teknik POKA-YOKE.
- Menilai standard kualiti individu dan proses, bagaimana ianya disediakan dan ditingkatkan, kenapa ianya mustahak dan bagaimana ia berhubung kait dengan pekerjaan.
- Melatih guna cara-cara kerja berpasukan untuk mencapai matlamat kualiti dan produktiviti

METODOLOGI KURSUS :

Untuk menambahbaik pembelajaran peserta, kaedah pengajaran seperti berikut akan digunakan:

- Kuliah & Perbincangan dalam kumpulan kecil
- Latihan individu & berpasukan
- Kes Belajar
- Memainkan peranan Kes-Kes Belajar

KANDUNGAN KURSUS:

1. Pengenalan:

- Industri pengilangan Jepun - - terkenal dengan tahap Kualiti & Produktiviti yang tinggi.
- Sikap, peranan dan tanggungjawab pekerja Jepun terhadap Kualiti dan Produktiviti
- Cabaran masa kini & permintaan pelanggan.

2. Kualiti dan Produktiviti

- Apakah itu Produktiviti?
- Apakah itu Kualiti?
- 10 Prinsip Asas Kualiti
- Mencapai kepuasan pelanggan
- *Latihan : Kawalan Mutu*

3. Tanggungjawab pekerja terhadap Kualiti, Produktiviti & Keselamatan di tempat kerja:

- Peranan & tanggungjawab pekerja yang berkesan
- Pengawasan kualiti, produktiviti & keselamatan secara berpasukan
- Teknik dasar 5S Good Housekeeping:
 - Bagaimana amalan 5S dapat meningkatkan produktiviti, keselamatan & kebersihan tempat kerja.
 - Manfaat amalan 5S kepada pekerja & majikan.
- *Latihan :Kuiz 5S & Pengurusan Visual*

4. Kerja Berpasukan

- Semangat berpasukan
- Komunikasi pasukan yang berkesan
- Teknik Pengurangan Pembaziran (Wastes reduction):
 - 7 jenis pembaziran di tempat kerja (TIMWOOD)
 - Bagaimana mengurangkan pembaziran di tempat kerja
 - Bagaimana pekerja dapat tolong majikan mengurangkan pembaziran.
- *Latihan: Penjadualan & penugasan kerja untuk produktiviti*

5. Kreativiti dan Cadangan Membina untuk meningkatkan Kualiti & Produktiviti

- Apakah itu KAIZEN - - peningkatan berterusan.
- Amalan aktiviti KAIZEN yang praktikal.
- Teknik POKA-YOKE:
 - Apakah itu POKA-YOKE?
 - Idea dan cadangan membina untuk mencapai POKA-YOKE di tempat kerja.
 - Mengambil inisiatif dan menghalang reject dari berlaku di tempat kerja.
- *Latihan: Cadangan untuk POKA-YOKE*

KHAS UNTUK PESERTA-PESERTA:

Kursus ini sesuai untuk:

- Semua peringkat pekerja, terutama Line Leader, QC, Line Trainer, Operator pengeluaran.
- Kursus ini juga sesuai untuk Penyelia, Technician, dll.

MAKLUMAT-MAKLUMAT SELANJUTNYA:

Kursus ini akan mengambil selama : 2 hari (Masa: 9.00pagi – 5.00 petang)

Tempat : Program In-house

RESUME PENGAJAR :

Nelson Kok merupakan seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia, yang berkecualan Sarjana dalam Pentabiran Perniagaan (MBA) dan juga Sarjana Muda Sains (B.Sc (Hons) Geophysics). Beliau mempunyai lebih daripada 27 tahun pengalaman bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional dan juga syarikat-syarikat tempatan, sebelum menubuh syarikat konsultannya tersendiri. Daripada 27 tahun pengalaman itu, 20 tahun beliau mencemburi dalam bidang Latihan & Pembangunan Sumber Manusia.

Nelson sekarang bekerja sebagai seorang Jurulatih Korporat & Konsultan yang bertaualiah kepada banyak syarikat-syarikat multinasional di Malaysia, Singapura, Myanmar, U.A.E dan Sudan. Beliau telah banyak mengendalikan program-program latihan khas untuk syarikat antarabangsa maupun tempatan seperti *BMW, PETRONAS, Motorola, DELL, Altera, AMD, WD, Seagate, MTN, ZAIN, Petro-Energy E&P, White Nile Petroleum Operating Co., DAL Motors, KENANA Sugar Co., Global Edutech Management (Suzhou) Co, SONY, Matsushita, Sumitomo, Infineon, Agilent, Osram, Jabil, Plexus, Siltera, Toray, ING Malaysia, Lafarge Malayan Cement Bhd, Securities Commission Malaysia, Telekom Malaysia, Malaysia Communications & Multimedia Corporation(MCMC), JKR, VADS, Open University Malaysia (OUM), dll.* Beliau pernah bekerja sebagai pensyarah, mewakili beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Open University Malaysia (OUM), Society of Business Practitioners, UK (SBP), and International Centre for Quality, Sudan.

Dari segi pengalaman, beliau pernah dilatih di negara-negara Jepun, Singapura, Malaysia, dan Thailand. Sekarang, Nelson merupakan seorang Konsultan yang bertaualiah untuk melatih pelbagai program-program latihan pengurusan, kualiti dan teknologi informasi seperti *7 Habits of Highly Effective People, Zenger-Miller Frontline Leadership Program, Performance Management System (PMS), Managerial Decisions & Business Modeling, Managerial Statistics, Train-The-Trainer, Total Quality Management (TQM), Statistical Process Control (SPC), Quality Control Circles (QCC) Facilitator, 7QC Tools, Problem Solving & Decision Making, Total Productive Management, MRPII, ERP, Team Building Program, DDI Supervisory Program dan banyak lagi.* Beliau juga berpengalaman menerajui usaha mendapat persijilan ISO 9002 & memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti (QMEA) untuk syarikat-syarikat yang beliau pernah bekerja. Bidang pengkhususan Nelson ialah untuk menolong organisasi meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi IT terbaru, teknik Pengurusan yang berkesan serta alat-alat Kualiti yang sudah terbukti berhasil.